

## Kenali Azrul Zaidi: Persona Versatil.

Faten Nazirah Ramli<sup>1</sup>, Muhammad Akmal Shamsuddin<sup>2</sup>, Muhammad Faris Aiman Bin Zulkarnain<sup>3</sup>,  
Fatin Nur Zulkipli<sup>4\*</sup> dan Nurulannisa Abdullah<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatennazirah13@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; akmalsham00@gmail.com

<sup>3</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; [farisaiman254@gmail.com](mailto:farisaiman254@gmail.com)

<sup>4</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; [fatinnurzul@uitm.edu.my](mailto:fatinnurzul@uitm.edu.my);  0000-0002-5294-9125;

<sup>5</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; [annisa@uitm.edu.my](mailto:annisa@uitm.edu.my);  0000-0003-3234-9066

\* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; +0124515040

**Abstrak:** Kajian ini meneliti peranan dan sumbangan seniman veteran, Azrul Zaidi, dalam pembangunan industri seni tanah air. Dalam konteks industri hiburan Malaysia yang semakin berkembang, artis veteran sering kali terpinggir dan tidak menerima penghargaan setimpal atas jasa mereka. Kajian ini dijalankan untuk mengetengahkan isu tersebut dengan meneliti pengalaman serta cabaran yang dihadapi oleh Azrul Zaidi sebagai tokoh seni serba boleh, merangkumi bidang nyanyian, lakonan, pengacaraan, penyiaran radio dan komedi. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menghargai serta mendokumentasikan sumbangan beliau dalam industri seni, selain meningkatkan kesedaran terhadap keperluan menjaga kebajikan artis veteran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah sejarah lisan. Temu bual separa berstruktur dijalankan secara dalam talian menggunakan Google Meet pada 18 Julai 2022. Rakaman audio-visual dan nota lapangan digunakan sebagai data utama. Azrul Zaidi dipilih sebagai subjek kerana pengalaman dan kepelbagaian bakatnya sejak era 1980-an. Hasil kajian mendapati bahawa Azrul Zaidi merupakan figura penting dalam perkembangan seni hiburan negara, namun berdepan dengan cabaran seperti kekurangan pengiktirafan dan ketidakstabilan kewangan. Pengalaman beliau mencerminkan realiti yang dihadapi oleh ramai artis veteran di Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada dokumentasi sejarah seni negara serta memberi implikasi terhadap keperluan dasar kebajikan dan penghargaan lebih menyeluruh terhadap artis veteran. Ia juga boleh dijadikan rujukan dalam kajian seni, dasar budaya dan sejarah hiburan tanah air.

**Kata kunci:** Seniman veteran, Azrul Zaidi, sejarah lisan, industri hiburan Malaysia, kebajikan artis, penyanyi

DOI: 10.5281/zenodo.15393479



**Copyright:** © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

### 1. PENGENALAN

Sejarah lisan ialah kajian yang boleh menyimpan data dari masa lalu, walaupun masa dan peristiwa itu telah berlalu. Ia wujud dalam zaman penemuan baharu dan teknologi moden yang berkaitan dengan isu politik, kewangan, perniagaan, kesusasteraan dan kehidupan moden yang semakin kompleks. Kajian sejarah lisan dikatakan menarik kerana pengkaji menemui pelbagai pengalaman baharu, menonton sejarah dari semua pihak, dan pelajari lebih lanjut tentang sifat manusia. Ini adalah bidang pengajian yang sangat luas, meliputi semua segmen masyarakat seperti orang biasa, ketua masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, penulis, perniagaan, dan lain-lain.

Berdasarkan maksud seniman yang dirujuk daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seniman bermaksud orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu di depan khalayak ramai. Terdapat pelbagai pekerjaan yang boleh boleh dikaitkan dengan perkataan seniman seperti pelukis, penyair, dan penyanyi. Apabila membicarakan tentang perihal seniman, sudah semestinya para seniman itu sendiri mempunyai hasil karya seni mereka yang tersendiri dimana mereka pakar dalam bidang yang mereka ceburi. Contohnya seni lukis, syair yang digubah sendiri oleh seniman, seloka atau puisi, dan juga muzik hasil pemikiran mereka.

Nyanyian merujuk kepada aktiviti mengeluarkan bunyi daripada kotak suara dengan cara tertentu yang bertujuan menghasilkan nada dan melodi yang merdu di telinga manusia. Ia merupakan salah satu aktiviti manusia yang bertujuan untuk menyenangkan hati seseorang. Nyanyian boleh dilakukan dengan bantuan alat muzik atau hanya dengan secara bertepuk tangan dan sebagainya. Nyanyian memerlukan daya kreativiti manusia dan dianggap sebagai salah satu cabang seni. Mereka yang menyanyi digelar penyanyi.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan utama yang ingin diketengahkan di dalam kajian ini ialah kadar bayaran bagi artis senior atau veteran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman yang dipunyai oleh mereka. Tambahan pula, terdapat sesetengah syarikat produksi yang memperlekehkan kehadiran artis senior atau veteran di dalam industri pada masa kini. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh Berita Harian, para artis veteran mempunyai isu dalam menerima bayaran yang tidak setimpal. Mereka juga diberi layanan yang kurang enak didengar serta sering diugut oleh syarikat produksi. Disini kita dapat lihat dimana para artis veteran dianaktirikan oleh syarikat produksi dengan memberi layanan yang tidak sama rata dengan artis baru yang meningkat naik bagai cendawan tumbuh selepas hujan.

- Punca artis veteran atau artis senior dibayar dengan kadar rendah pada masa kini.
- Keterlibatan artis veteran atau artis senior dalam program televisyen pada masa kini.
- Kekurangan artis yang berbakat dalam industri seni pada masa kini.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian ini adalah:-

- i. Mencari dan mengkaji latar belakang artis senior negara Encik Azrul Zaidi.
- ii. Mengkaji penglibatan dan sumbangan beliau sepanjang penglibatannya dalam industri seni.
- iii. Mengkaji mengenai anugerah dan pencapaian sepanjang penglibatan Encik Azrul Zaidi dalam industri seni.

## **4. PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan yang terdapat di dalam kajian ini adalah:-

- i. Apakah latar belakang tokoh seniman negara Encik Asrul Zaidi?
- ii. Apakah penglibatan dan sumbangan seniman negara Encik Asrul Zaidi sepanjang perglibatannya dalam industri seni?
- iii. Apakah anugerah dan pencapaian yang pernah diperoleh seniman negara Encik Asrul Zaidi sepanjang penglibatannya dalam industri muzik?

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan kajian yang pertama adalah dapat menarik minat generasi sekarang untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai latar belakang seniman negara. Generasi sekarang atau dikenali sebagai generasi Z merupakan generasi yang dilahirkan dalam era moden. Walaubagaimanapun, terdapat juga kesan buruk dalam penggunaan teknologi dan internet kepada bagi individu di mana mengakibatkan mereka semakin tidak mengenali atau mengetahui mengenai seniman negara yang telah banyak memberikan sumbangan kepada negara. Mereka juga tidak pernah didedahkan mengenai perkara ini yang telah menyebabkan mereka memandang remeh mengenai kewujudan seniman negara. Dengan adanya kajian ini, ia mampu untuk memberi sedikit nafas baru kepada seseorang individu yang sebelum ini tidak mengetahui dengan lebih mendalam mengenai latar belakang seniman negara. Kajian ini mampu memberikan sedikit maklumat yang berguna dan pada masa yang sama dapat menarik minat generasi sekarang untuk mengenali seniman negara yang masih memberikan sumbangan untuk negara sehingga kini.

Kedua, kepentingan dan sumbangan kajian adalah dapat membangkitkan semangat masyarakat untuk mengenang jasa seniman negara. Masyarakat semakin mengabaikan kewujudan seniman yang telah memberikan banyak sumbangan kepada negara. Mereka tidak lagi menghargai apa yang telah disumbangkan oleh seniman negara pada masa dahulu. Mereka telah banyak menyumbangkan idea, bakat dan tenaga mereka untuk memastikan industri seni di negara mereka semakin membangun dan digeruni oleh negara luar. Walaubagaimanapun, sumbangan mereka kepada industri seni negara semakin lama semakin tidak dihargai kerana masyarakat sekarang hanya mengetahui atau menghargai apa yang ada di depan mata mereka sahaja. Kini, dengan wujudnya artis baharu yang mengfokuskan hiburan masa kini lebih dekat dengan jiwa generasi sekarang.

Ketiga, sumbangan dan kajian adalah dapat membekalkan maklumat yang penting mengenai seniman negara yang boleh digunakan sebagai rujukan pada masa akan datang. Maklumat adalah salah satu perkara yang sangat penting pada masa sekarang kerana ia boleh dijadikan sebagai bahan bukti ataupun rujukan untuk masa akan datang. Maklumat juga boleh dikongsikan kepada sesiapa sahaja di mana sahaja kita berada. Walaubagaimanapun, maklumat masih boleh dipalsukan atau ditukar maksudnya yang boleh mengakibatkan seseorang itu mendapat maklumat yang salah. Pada masa yang sama, maklumat mengenai seniman negara pada masa kini adalah sangat terhad disebabkan oleh tiadanya kesedaran mengenai kepentingan mengetahui sumbangan dan latar belakang seniman negara. Dengan adanya kajian ini, pembekalan maklumat berkaitan seniman negara akan menjadi lagi banyak dan mudah untuk dicari atau dijadikan sebagai rujukan untuk pengguna pada masa akan datang. Maklumat yang dibekalkan juga adalah tepat dan boleh dipercayai kerana maklumat yang diperoleh adalah daripada temubual bersama seniman tersebut.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Sejarah lisan merujuk kepada kaedah yang digunakan bagi seseorang untuk mendapat kebenaran mengenai sesuatu perkara seperti pengalaman hidup atau kejadian yang telah dilalui seseorang (Ahmad 1987). Cara pengumpulan maklumat ini perlu dilakukan melalui proses temubual atau merakam menggunakan pita rakaman semua maklumat yang berkaitan peristiwa atau sejarah. Pernyataan tersebut juga turut disokong oleh (Starr 1984), yang menyatakan bahawa sejarah lisan adalah kaedah-kaedah pengumpulan kandungan penting yang masih belum diterokai oleh sesiapa sahaja. Selain daripada itu, sejarah lisan juga boleh dikatakan sebagai satu kaedah dalam mendapatkan maklumat melalui penglibatan orang yang memberitahu peristiwa lepas daripada pengalamannya. Sejarah lisan adalah sumber pertama atau dikenali sebagai sumber primer iaitu daripada hasil temubual ataupun rakaman yang telah direkodkan.

Sejarah lisan mempunyai banyak kepentingan yang perlu diketahui oleh semua masyarakat. Pertama sekali, sejarah lisan telah membantu dalam pembentukan sumber sejarah. Sejarah lisan telah meyumbang kepada penulisan historiografi sejarah peradaban manusia pada masa dahulu. Jika sejarah lisan tidak diterapkan dalam penulisan historiografi, sejarah itu tidak akan menjadi kukuh dan tidak menjadi sejarah yang tepat. Seterusnya, sejarah lisan juga merupakan perkara yang penting dalam pembinaan semula peristiwa-peristiwa sejarah. Ia boleh dilihat daripada penghasilan penulisan historiografi pada zaman dahulu adalah sangat sukar dan penuh dengan cabaran seperti sumber yang terhad. Kepentingannya boleh dilihat apabila sumber lisan merupakan sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa. Sejarah lisan juga adalah amat penting kerana dapat membantu dalam memberikan gambaran yang lebih jelas. Ia merupakan salah satu cara untuk mendapat maklumat dengan lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa. Pada masa yang sama sejarah lisan adalah sangat berharga dan istimewa kerana ia menghubungkan kembali zaman lepas dan zaman kini, contohnya seperti pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Menurut Berita Harian Online yang ditulis oleh Farihad Shalla Mahmud dan Serimah Mohd Sallehuddin (2021), artis veteran mempunyai isu mengenai pembayaran gaji yang tidak setimpal dengan pengalaman yang diberikan oleh artis tersebut. Pada masa yang sama, mereka juga mendakwa bahawa pernah diperkecilkan oleh syarikat produksi yang menggambarkan bertapanya rendahnya nilai yang diberi oleh penggerak industri kreatif terhadap artis veteran. Jika dibandingkan dengan negara luar, artis veteran diberikan keutamaan untuk menerajui sesebuah filem seperti contoh, Meryl Streep yang diberikan peranan utama pada usia 72 tahun dan ini dapat menunjuk bahawa pembikin filem Hollywood memandang tinggi pengalaman artis veteran dalam industri tersebut.

Kini, muzik merupakan satu bentuk hiburan yang memainkan peranan yang sangat dalam kehidupan masyarakat. Tidak kira lapisan umur baik daripada golongan veteran mahupun generasi muda, semuanya meminati dunia hiburan. Persoalannya sejauh manakah kemajuan industri muzik di Malaysia dan apakah kesannya kepada muzik tradisional dan muzik kontemporari. Pelbagai instrument digunakan dalam memastikan kualiti sesuatu muzik itu sendiri. Tanpa instrument, tidak terhasil la muzik itu. Selain daripada itu. Melodi dan lirik turut memainkan peranan penting dalam penghasilan sebuah lagu. Seperti yang kita lihat kini, terdapat pelbagai jenis genre yang terhasil daripada revolusi dalam bidang muzik. Sebagai contoh, genre Pop-Star, klasik dan genre yang semakin digilai oleh generasi Z kini iaitu K-Pop ataupun nama lainnya 'Korean-Pop'.

Bidang Muzik atau hiburan dalam masyarakat kini memainkan peranan yang sangat penting. Seperti kita lihat, revolusi bidang muzik di Malaysia membuktikan bahawa rakyat Malaysia sangat menyukai dunia hiburan dan bidang Muzik. Sebagai contoh, kita dapat lihat terlahirnya ramai seniman Malaysia yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam bidang masing-masing. Antara seniman Malaysia yang terkenal adalah Seniman Agung Negara, Tan Sri P. Ramlee. Tidak lupa juga, muzik turut menjadi salah satu penyumbang kepada keadaan ekonomi di Malaysia.

Menurut artikel yang ditulis oleh B Mohammed (1980), kewujudan kelompok seniman dalam masyarakat moden ini telah menarik perhatian masyarakat umum. Ini adalah disebabkan oleh kemajuan yang dicapai dalam bidang penyebaran am. Berita-berita atau kaedah-kaedah mengenai seniman dan juga perkembangan yang berlaku dalam dunia seni sentiasa sahaja menghiasi ruang-ruang akhbar, majalah-majalah, corong-corong radio, kaca-kaca televisyen dan sebagainya. Ini telah menyebabkan sebahagian daripada para anggota masyarakat umum begitu tertarik untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi tentang kesah yang berkaitan dengan kelompok ini. Oleh itu adalah menjadi hasrat saya untuk menjalankan satu kajian yang empirikal mengenai kelompok seniman ini.

Menurut artikel yang ditulis oleh Intan Soliha Ibrahim dan Juliana Abdul Wahab (2021), peranan radio sebagai alat penyampaian maklumat, hiburan dan pendidikan tidak boleh dinafikan. Secara umumnya, sebelum kehadiran televisyen dan pendigitalan ke atas industri radio konvensional, setiap rumah di Malaysia pasti memiliki set radio kerana fungsi radio yang penting dalam kehidupan masyarakat. Teknologi penyiaran digital telah diguna di Malaysia pada tahun 1996 apabila Astro secara rasmi beroperasi sebagai radio dan televisyen digital berbayar pertama negara. Azrul Zaidi juga merupakan seorang penyampai radio, menurut artikel Sensasi Selebriti yang ditulis oleh Budiey pada tahun 2012, Azrul Zaidi dulunya pernah bekerja sebagai penyampai di Suria FM sebelah malam, sekarang masih bekerja di Suria FM dalam segment Suria Cinta.

Azrul Zaidi turut dikenali sebagai seorang pelakon dimana beliau pernah menjadi seorang pelakon teater dan filem menurut artikel yang ditulis oleh Bisnissatu (2021), Peranan lakonan pertama Azrul ialah pada 2009 menerusi telefilem *Geng Raya Zizan* yang bersiaran di Astro Ria. Beliau membuat penampilan filem pertama menerusi watak sampingan dalam filem komedi *Diva Popular* arahan Erma Fatima, filem ini mula ditayangkan pada 24 Oktober 2006. Beliau memegang watak sebagai Abang Reza dalam siri drama *Geng Bas Sekolah* (beliau muncul dalam musim ke 5) lakonan Alif Jefri, Wan Farah dan Athan Lee. Drama ini disiarkan di Astro Ceria pada 2013. Menurut Nurmiha Suraya Ibrahim lakonan dan pelakon adalah dua perkara yang tidak dapat dielakkan. Apabila soal lakonan dibangkitkan, pastinya soal pelakon turut dibincangkan. Bagaimana seseorang pelakon itu mampu membawa sesuatu watak seringkali perbincangan dalam persoalan tentang lakonan. Bererti, lakonan berkait rapat tentang teknik atau kebolehan seseorang menyampaikan peranannya didalam sesebuah produksi. Lakonan yang berkesan dikatakan harus bermula dari hati.

Azrul Zaidi merupakan seorang pelawak, menurut artikel yang ditulis oleh Lobak Merah pada tahun 2022, Azrul Zaidi pernah bergelar sebagai seorang pelawak dan pernah bergelar menjadi naib juara raja lawak musim kedua dalam program *Maharaja Lawak Mega* (MLM).

Menurut artikel yang ditulis oleh Nasihah Binti Hashim, Noor Aida Binti Mahmor, Ainal Akmar Binti Ahmad dan Maizatul Azura Binti Yahya. Mereka mengkaji mengenai bahasa slanga dalam pengacaraan rancangan hiburan televisyen, iaitu *Melodi*, *Muzik-Muzik*, *Sempurnakan Harimu* dan *Mencari Cinta*. Kajian ini mengkategorikan penggunaan bahasa slanga oleh pengacara-pengacara rancangan hiburan sebagai salah satu punca pencemaran bahasa. Antara kata-kata slanga yang paling kerap digunakan oleh pengacara ialah merujuk kata ganti nama diri, iaitu *diorang* dan *kitorang*. Selain itu, kajian ini juga mendapati para pengacara menggunakan kata-kata slanga yang dicipta khusus untuk sesuatu rancangan dan menunjukkan identiti diri seperti kata *zas* dan *layan*. Azrul Zaidi pernah menjadi seorang pengaca menurut blog yang ditulis olehnya sendiri pada tahun 2014.

Azrul Zaidi juga merupakan seorang penyanyi menurut artikel yang ditulis di *Sensasi Selebriti*, selain boleh menjadi pengacara, pelakon dan pelawak, sebenarnya Azrul Zaidi juga berbakat dalam dunia nyanyian. Dia pernah ke *ujibakat Asia Bagus* dan sekarang ini, Azrul mahu kembali aktif menyanyi dengan melahirkan sebuah single terbaru berjudul *Cerita Kita*. Menurut artikel yang ditulis oleh Sakuntari Ningsih (2013), bernyanyi dan bermain musik adalah sebahagian dari seni. Dalam *Ensiklopedi Indonesia* disebutkan bahwa seni adalah penjelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, yang dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh indera pendengar (seni suara), indera penglihatan (seni lukis), atau dilahirkan dengan perantaraan gerak (seni tari, drama)

## 7. METODOLOGI

Secara amnya temubual ini dilakukan dengan kehadiran penyanyi dan pelakon yang terkenal iaitu Asrul Zaidi Bin Jamaluddin atau lebih dikenali sebagai Azrul Zaidi. Temubual ini dijalankan untuk menyelidik perihal beliau sebagai seorang artis senior dalam bidang nyanyian, lakonan, penyuar latar dan penyampai radio. Temubual ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet atas persetujuan kedua belah pihak. Temubual ini dijalankan pada tarikh 18 Julai 2022. Kami memilih Azrul Zaidi sebagai seniman veteran untuk ditemubual kerana ingin mengetahui mengenai latar belakang, pencapaian kerjaya dan pengalaman hidup Azrul Zaidi sepanjang bergelar penyanyi dan pelakon. Pada awalnya kami membuat kajian mengenai Azrul Zaidi, setelah selesai membuat kajian, kami mendapatkan kelulusan untuk membuat penyelidikan keatas Azrul Zaidi, setelah diberikan kelulusan kami mendapatkan borang kajian daripada pihak universiti. Setelah semua selesai kami menghubungi Azrul Zaidi untuk ditemubual dan pada masa yang sama kami mula menyiapkan soalan-soalan untuk menemu bual beliau. Setelah selesai kami menetapkan tarikh, masa dan platform untuk sesi temubual dijalankan. Kaedah yang digunakan untuk temu bual seniman tersebut adalah secara atas talian. Ketika sesi temubual dijalankan, rakaman skrin dan audio juga dijalankan pada waktu yang sama dimana proses ini amat penting untuk kaedah sejarah lisan. Disamping itu, catatan tulisan juga akan dilakukan oleh pelajar untuk mencatat maklumat penting yang akan diceritakan oleh seniman tersebut.

## **8. HASIL KAJIAN**

Melalui hasil kajian ini, penyelidik dapat memperoleh maklumat tokoh dengan lebih terperinci khususnya mengenai latar belakang tokoh, penglibatan dan sumbangan beliau, serta anugerah dan pencapaian sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni hiburan.

### **8.1 MENGKAJI LATAR BELAKANG ARTIS SENIOR NEGARA ENCIK AZRUL ZAIDI.**

Azrul Zaidi bin Jamaluddin, atau lebih mesra disapa Azrul Zaidi, dilahirkan di Butterworth, Pulau Pinang pada 13 Februari 1974. Anak sulung daripada dua belas (12) orang adik beradik ini merupakan seorang anak seni sepenuh masa yang versatil dalam bidang seni hiburan tempatan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan lima (5) orang cahaya mata.

Sejak kecil lagi, beliau telah didedahkan dengan muzik dan berminat dengan muzik, juga sering mendengar lagu bersama-sama keluarganya dalam masa lapang. Meskipun pernah mendapat bantahan dan tentangan daripada keluarga ketika awal penglibatan dalam industri muzik, usaha beliau tidak pernah putus dan tetap berusaha sehinggalah mencapai pencapaian beliau pada hari ini.

### **8.2 MENGKAJI PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN BELIAU SEPANJANG PENGLIBATANNYA DALAM INDUSTRI SENI.**

Penglibatan awal Azrul Zaidi adalah dalam bidang muzik, dimana beliau mula menyanyi seawal usia 6 tahun. Sebagai contoh, beliau menyertai sebuah konsert semasa tadika dan menyanyikan lagu Sudirman yang berjudul Hore! Hore!. Beliau juga pernah menyertai sebuah band ketika zaman remaja. Beliau mula berjinak-jinak dengan menyertai pertandingan secara solo di tanah kelahiran beliau, dan kebanyakannya menjuarai pertandingan-pertandingan tersebut. Di awalnya, beliau pernah didatangi seorang composer muzik, mengajaknya menyertai pertandingan luar negeri. Sehinggalah beliau dapat menyertai program Bintang RTM kawasan Utara.

Beliau telah menghasilkan beberapa album sepanjang perjalanan beliau dalam bidang industri muzik tempatan. Beliau kemudian banyak menerima tawaran menjadi juru hebah (DJ) radio dan pengacara televisyen tempatan, rentetan dari populariti yang semakin melonjak, beliau juga pernah menghasilkan lagu-lagu bagi kumpulan muzik yang lain.

Individu penuh kaliber ini juga pernah mencipta sebuah lagu khas sebagai tanda solidarity terhadap kemalangan kapal terbang MH370 pada tahun 2014. Lagu beliau tersebut banyak digunakan, terutamanya bagi stesen televisyen RTM dalam video rasmi memperingati kemalangan udara tersebut.

Beliau juga pernah menyertai pertandingan Raja Lawak, yang mana mengembangkan lagi kerjaya beliau dalam industri hiburan tempatan sebagai seorang pelawak tersohor pada awal tahun 2000-an. Banyak kebolehan yang dimiliki oleh Azrul Zaidi dalam bidang industri hiburan dan selayaknya dikenali dengan lebih meluas lagi oleh masyarakat tempatan.

### **8.3 MENGAJI MENGENAI ANUGERAH DAN PENCAPAIAN SEPANJANG PENGLIBATAN ENCIK AZRUL ZAIDI DALAM INDUSTRI SENI.**

Telah banyak sumbangan yang beliau berikan dalam industri tempatan. Namun, terdapat beberapa pencapaian tertinggi yang beliau pernah perolehi sepanjang perjalanan beliau sehingga hari ini. Antaranya, beliau banyak memenangi pertandingan nyanyian yang beliau sertai sebelum melibatkan diri secara mendalam dalam industri muzik tempatan. Hal ini sehinggakan beliau agak digeruni oleh petanding yang lain disebabkan oleh bakat yang beliau miliki.

Seterusnya, beliau juga pernah menjadi naib juara bagi rancangan popular tempatan, iaitu Bintang RTM yang menajdi antara pencetus utama populariti beliau dalam kalangan peminat industri hiburan tanah air. Beliau juga layak masuk ke pusingan akhir, namun tidak dapat memberikan persembahan terbaik disebabkan oleh masalah kesihatan pada ketika itu. Namun, namanya mula naik dan semakin dikenali ramai.

Beliau juga pernah menjadi naib johan bagi rancangan popular tempatan, Raja Lawak pada musim yang ke-2. Menurut beliau, popularitinya semakin melonjak, terutama sekali selepas memenangi tempat kedua dalam pertandingan Raja Lawak ini. Bertambah-tambah tawaran buat beliau apabila beliau sendiri mempunyai banyak bakat dalam bidang seni hiburan.

## **9. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, pengetahuan kepada seniman negara adalah sangat penting kepada semua golongan masyarakat terutamanya di Malaysia. Ini adalah kerana, masyarakat pada masa sekarang sudah tidak lagi mengenali seniman negara mereka terutamanya golongan muda disebabkan oleh tidak lagi didedahkan oleh mana-mana pihak sebelum ini dan juga maklumat mengenai seniman negara di laman sesawang adalah sangat terhad dan sukar untuk diperolehi. Walaubagaimanapun, dengan adanya kajian ini, pelajar ataupun pensyarah boleh mendapatkan maklumat mengenai seniman negara dengan lebih banyak dan maklumat tersebut adalah tepat disebabkan oleh maklumat yang diberikan adalah daripada seniman itu sendiri.

Bukan itu sahaja, dengan maklumat yang diperolehi daripada seniman tersebut, kita juga boleh mengenali seniman negara dengan lebih mendalam dan mengetahui sumbangan yang telah diberikan oleh beliau sepanjang penglibatannya dalam industri seni negara. Secara umumnya, industri seni adalah salah satu sektor yang penting kepada negara, bangsa dan masyarakat di negara kita. Ini adalah kerana, dengan adanya industri seni, masyarakat dapat mengetahui dan pada masa yang sama menghayati apa itu hiburan yang boleh dijadikan sebagai contoh yang baik kepada semua golongan masyarakat.

Akhir sekali, Asrul Zaidi Bin Jamaluddin atau dikenali sebagai Azrul Zaidi merupakan seniman negara yang boleh dijadikan sebagai contoh kepada masyarakat kerana beliau telah memberikan banyak sumbangan kepada negara dalam penglibatannya dalam industri hiburan. Beliau juga telah menerima banyak pencapaian sepanjang penglibatannya seperti telah mendapat naib juara

dalam Raja Lawak Musim 2 bersama kumpulan Cham. Sehingga kini, Azrul Zaidi masih lagi relevan dan masih dipanggil untuk menjadi pengacara atau berlakon daripada mana-mana pihak produksi tempatan.

## RUJUKAN

- Azrul Zaidi. (2014). Pengacara glamor vs pengacara biasa-biasa. <http://azrulzaidi.blogspot.com/2014/12/pengacara-glamor-vs-pengacara-biasa.html>
- Bisnisatu. (2021). Biodata Azrul Zaidi.: Latar belakang, fakta dan kerjaya. <https://www.bisnissatu.com/2021/12/biodata-azrul-zaidi.html>
- Farihad Shalla Mahmud & Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, August 2). Artis veteran susut nilai. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>
- Hafiz Ahmad. (2022). Azrul Zaidi dedah sisi gelap maharaja lawak mega, dakwa ada unsur krooni. <https://lobakmerah.com/azrul-zaidi-dedah-sisi-gelap-maharaja-lawak-mega-dakwa-ada-unsur-kroni/>
- Intan Soliha Ibrahim & Juliana Abdul Wahab. (2021). Peranan, kandungan & penyampaian radio dalam arus pendigitalan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo* 2021. 9. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/download/2460/1620>
- Mohammed Bakar. (n.d.) Gaya hidup seniman tempatan. [http://studentsrepo.um.edu.my/13022/1/mohamed\\_bakar.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/13022/1/mohamed_bakar.pdf)
- Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor, Ainal Akmar Ahmad & Maizatul Azura Yahya. (n.d.). Bahasa slanga dalam komik kanak-kanak. *2<sup>nd</sup> International Convention on Islam, Science & Education*. [https://www.researchgate.net/profile/Nasihah-Hashim/publication/308964425\\_BAHASA\\_SLANGA\\_DALAM\\_KOMIK\\_KANAK-KANAK\\_SLANG\\_IN\\_CHILDREN'S\\_COMIC/links/57fb00f308ae91deaa63311e/BAHASA-SLANGA-DALAM-KOMIK-KANAK-KANAK-SLANG-IN-CHILDRENS-COMIC.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Nasihah-Hashim/publication/308964425_BAHASA_SLANGA_DALAM_KOMIK_KANAK-KANAK_SLANG_IN_CHILDREN'S_COMIC/links/57fb00f308ae91deaa63311e/BAHASA-SLANGA-DALAM-KOMIK-KANAK-KANAK-SLANG-IN-CHILDRENS-COMIC.pdf)
- Normiha Suraya Ibrahim . (2019). Aplikasi teknik “repetition exercise” oleh Sanford Meisner dalam lakonan. [http://studentsrepo.um.edu.my/10798/1/Normiha\\_Suraya\\_Ibrahim\\_%E2%80%93\\_Dissertation.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/10798/1/Normiha_Suraya_Ibrahim_%E2%80%93_Dissertation.pdf)
- Norshafawati Saari, et al. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: Paparan dasar industry hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 26(2), 47-65.
- Sakuntari Ningsih. (2013). Studi pemahaman hadits-hadits tentang nyanyian. [http://repository.uin-suska.ac.id/3020/1/2013\\_201304TH.pdf](http://repository.uin-suska.ac.id/3020/1/2013_201304TH.pdf)
- Seow, H. L. (2020, July). *Sejauhmanakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?*. [https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)
- Siti Roudhah Mohamad Saad. (2012). Penukilan Ilmu baharu melalui sejarah Lisan. Retrieved May 12, 2022, from [http://eprints.usm.my/34074/1/10\\_Radia\\_12.pdf](http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)
- Serimah Mohd Sallehuddin. (2021). Persatuan artis veteran Perlu Campur Tangan | berita harian. Berita Harian. Retrieved May 12, 2022, from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846149/persatuan-artis-veteran-perlu-campur-tangan> 20). Temu bual Bersama Prof Madya Sr Azmi Hassan Pakar Geostrategik. personal.